



KEMENTERIAN PEMBANGUNAN WANITA,
KELUARGA DAN MASYARAKAT

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWK



LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWKM

Assalamualaikum wbt dan Salam Sejahtera,

YB Menteri/ YB Timbalan Menteri /YBhg. Datuk Dr./ YBhg. Datuk /YBhg. Dato' /YBrs. Dr./Tuan/Puan, pemantauan media KPWKM pada 22 Oktober 2024.

**Disediakan oleh,
Unit Komunikasi Korporat
Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat**

| BIL | PERKARA | SUMBER | SENTIMEN |
|-----|--|---|----------|
| 1. | <p>DSN 2030 bukti komitmen kerajaan bina negara sejahtera, inklusif: Ahmad Zahid</p> <p>https://www.utusanborneo.com.my/2024/10/21/dsn-2030-bukti-komitmen-kerajaan-bina-negara-sejahtera-inklusif-ahmad-zahid</p> <p>https://www.freemalaysiatoday.com/category/bahasa/tempatan/2024/10/21/dsn-2030-bukti-komitmen-kerajaan-bina-negara-sejahtera-inklusif/</p> <p>https://umno-online.my/2024/10/22/melancarkan-dasar-sosial-negara-2030/</p> <p>https://www.utusan.com.my/nasional/2024/10/masalah-sosial-malaysia-membimbangkan/</p> <p>https://www.astroawani.com/berita-malaysia/malaysia-mampu-capai-top-25-dunia-indeks-pembangunan-sosial-rasuah---zahid-492746</p> <p>https://malaysiagazette.com/2024/10/21/majlis-sosial-negara-atur-langkah-proaktif-atasi-isu-sosial/</p> <p>https://berita.rtm.gov.my/nasional/senarai-berita-nasional/senarai-artikel/dsn-2030-bukti-komitmen-bina-negara-sejahtera-inklusif</p> | <p>Utusan Borneo</p> <p>FMT</p> <p>Umno Online</p> <p>Utusan</p> <p>Astro Awani</p> <p>Malaysia Gazette</p> <p>Berita RTM</p> | Positif |

| | |
|---|------------------|
| https://www.utusanborneo.com.my/2024/10/21/dsn-2030-bukti-komitmen-kerajaan-bina-negara-sejahtera-inklusif-ahmad-zahid | Utusan Borneo |
| https://www.tvsarawak.my/2024/10/21/dasar-sosial-negara-2030-kunci-malaysia-capai-kedudukan-25-teratas-ipm-ipr/ | TV Sarawak |
| https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2024/10/1313995/malaysia-sasar-capai-kedudukan-25-teratas-indeks-pembangunan-sosial | Berita Harian |
| https://bernama.com/bm/news.php?id=2354536 | Bernama |
| https://malaysiagazette.com/2024/10/21/malaysia-sasar-duduki-tangga-25-ke-atas-indeks-pembangunan-sosial-rasuah-zahid/ | Malaysia Gazette |
| https://www.astroawani.com/videos/video-terkini-x7sio1/dasar-sosial-negara-2030-bantu-atasi-lambakan-kes-jenayah-x97aqja | Astro Awani |
| https://www.utusan.com.my/nasional/2024/10/pelbagai-kementerian-bersatu-tangani-isu-sosial/ | Utusan |
| https://www.tvsarawak.my/2024/10/21/trend-bunuh-diri-meningkat-10-peratus-pada-2023/ | TV Sarawak |
| https://www.utusan.com.my/berita/2024/10/penjara-di-seluruh-negara-sudah-terlalu-padat/ | Utusan |
| https://www.astroawani.com/berita-malaysia/penjara-di-malaysia-tidak-mampu-lagi-menampung-banduan---zahid-492778 | Astro Awani |
| https://www.tvsarawak.my/2024/10/21/ruu-profesion-kerja-sosial-dijangka-dibentang-tahun-depan-nancy/ | TV Sarwak |
| https://siakapkeli.my/2024/10/21/lebih-kapasiti-penjara-malaysia-tidak-mampu-lagi-tampung-banduan | Siakap Keli |
| https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2024/10/1314021/jumlah-banduan-cecah-87000-lebih-tinggi-kapasiti-tersedia-di-penjara | Berita Harian |

| | | |
|---|-----------------------|--|
| https://headtopics.com/my/dsn-2030-bukti-komitmen-kerajaan-bina-negara-sejahtera-60599412 | Head Topics | |
| https://www.thestar.com.my/news/nation/2024/10/21/zahid-govt-to-rope-in-ai-in-multi-ministry-plan-to-tackle-scams-and-violence | The Star | |
| https://www.nst.com.my/news/nation/2024/10/1123143/updated-national-social-policy-reflects-our-commitment-building-more | NST | |
| https://www.sinarharian.com.my/article/692301/berita/nasional/penjara-di-malaysia-tidak-mampu-lagi-menampung-banduan---zahid#google_vignette | Sinar Harian | |
| https://www.sinarharian.com.my/article/692248/berita/nasional/dsn-2030-bukti-komitmen-kerajaan-bina-negara-sejahtera-inklusif---ahmad-zahid | Sinar Harian | |
| https://thesun.my/malaysia-news/national-social-policy-2030-shows-gov-t-commitment-to-more-prosperous-inclusive-nation-ahmad-zahid-KE13175681 | The Sun | |
| https://themalaysianreserve.com/2024/10/21/zahid-calls-for-immediate-action-on-rising-violent-crimes/ | The Malaysian Reserve | |
| https://www.bernama.com/en/news.php?id=2354545 | Bernama | |
| https://www.youtube.com/watch?v=NYv2rXsPN30 | Astro Awani | |
| https://www.youtube.com/watch?v=gOAUpv3wNko | Berita Harian | |
| https://www.youtube.com/watch?v=6VsSyQ2l6fc | NST | |
| https://www.youtube.com/watch?v=5ydRxtNpzdA | Harian Metro | |
| https://www.youtube.com/watch?v=kj6AXSLT2g | The Star | |
| https://www.youtube.com/watch?v=r1yr-WUekyk | Malaysia Gazette TV | |

| | | | |
|----|--|--|---------|
| 2. | <p>KPWKM Anjur Program Tingkat Kesedaran Mengenai Gangguan Seksual</p> <p>https://umno-online.my/2024/10/21/kpwkm-anjur-program-tingkat-kesedaran-mengenai-gangguan-seksual/</p> | UMNO Online | Positif |
| 3. | <p>Nancy Seru Wanita Jalani Ujian Mamogram</p> <p>https://www.utusanborneo.com.my/2024/10/21/nancy-seru-wanita-jalani-ujian-mamogram</p> <p>https://www.facebook.com/reel/1012788253983186 - HM</p> <p>https://x.com/BuletinTV3/status/1848021023658258541</p> <p>https://www.facebook.com/story.php?story_fbid=966255998864800&id=100064412270566</p> <p>https://x.com/bharianmy/status/1848154230198329708</p> <p>https://x.com/bernamadotcom/status/1848022771785498937</p> <p>https://bernama.com/radio/index.php/newcalendar/news.php?id=2354370</p> <p>https://www.bernama.com/bm/news.php?id=2354370</p> <p>https://www.nabalunews.com/post/nancy-seru-wanita-jalani-ujian-mamogram</p> <p>https://bernama.com/en/region/news.php?id=2354377</p> | <p>Utusan Borneo</p> <p>FB – Harian Metro</p> <p>Twitter– TV3</p> <p>FB – BH</p> <p>Twitter- BH</p> <p>Twitter – Bernama</p> <p>Bernama Radio</p> <p>Bernama</p> <p>Nabalu News</p> <p>Bernama</p> | Positif |
| 4. | <p>Tambah baik urus banduan golongan rentan atasi penjara sesak</p> <p>https://www.sinarharian.com.my/article/692304/berita/nasional/tambah-baik-urus-banduan-golongan-rentan-atasi-penjara-sesak#google_vignette</p> | Sinar Harian | Positif |

| | | | |
|------------------|---|--|----------------|
| <p>5.</p> | <p>Bayi jantung berlubang perlukan dana RM90,000</p> <p>https://www.sinarharian.com.my/article/692213/edisi/utara/bayi-jantung-berlubang-perlukan-dana-rm90000</p> <p>https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2024/10/1313915/ibu-bapa-bayi-2-bulan-perlu-rm90000-rawat-jantung-anak</p> <p>https://www.kosmo.com.my/2024/10/22/bayi-jantung-berlubang-perlukan-rm90000/</p> | <p>Sinar Harian</p> <p>Berita Harian</p> <p>Kosmo</p> | <p>Neutral</p> |
| <p>6.</p> | <p>Wanita tak mengaku salah bunuh rakan kongsi</p> <p>https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2024/10/1146774/wanita-tak-mengaku-salah-bunuh-rakan-kongsi</p> <p>https://www.astroawani.com/berita-malaysia/peniaga-wanita-mengaku-tidak-bersalah-bunuh-rakan-kongsi-perniagaan-492729</p> <p>https://www.youtube.com/watch?v=RAHwtKqRP0I – TV9</p> <p>https://www.bernama.com/bm/jenayah_mahkamah/news.php?id=2354456</p> <p>https://www.sinarharian.com.my/article/692212/berita/semasa/peniaga-wanita-mengaku-tidak-bersalah-bunuh-rakan-kongsi-perniagaan</p> <p>https://www.bharian.com.my/berita/kes/2024/10/1313903/peniaga-wanita-dituduh-bunuh-rakan-kongsi</p> <p>https://www.facebook.com/story.php?story_fbid=970280608462145&id=100064406455023&_rdr - HM</p> | <p>Harian Metro</p> <p>Astro Awani AQstro Awani</p> <p>Youtube – TV9 Bernama</p> <p>Sinar Harian</p> <p>Berita Harian</p> <p>FB – Harian Metro</p> | <p>Neutral</p> |
| <p>7.</p> | <p>2 warga emas maut tersepit bawah pikap</p> <p>https://www.bharian.com.my/berita/kes/2024/10/1314156/2-warga-emas-maut-tersepit-bawah-pikap</p> <p>https://www.buletintv3.my/nasional/warga-emas-maut-isteri-cedera-dalam-kemalangan/</p> <p>https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2024/10/1146966/2-warga-emas-maut-pacuan-empat-roda-terbalik</p> | <p>Berita Harian</p> <p>Buletin Utama – TV3</p> <p>Harian Metro</p> | <p>Neutral</p> |

| | | | |
|-----|--|---|---------|
| 8. | <p>Warga emas maut, isteri cedera dalam kemalangan</p> <p>https://malaysiagazette.com/2024/10/21/warga-emas-maut-isterinya-cedera-selepas-kereta-terbabas/</p> <p>https://www.buletintv3.my/nasional/warga-emas-maut-isteri-cedera-dalam-kemalangan/</p> | <p>Malaysia Gazette</p> <p>Buletin TV3</p> | Neutral |
| 9. | <p>Sarawak melihat keperluan memperkenalkan undang-undang bagi warga emas kurang upaya</p> <p>https://www.utusanborneo.com.my/2024/10/21/sarawak-melihat-keperluan-memperkenalkan-undang-undang-bagi-warga-emas-kurang-upaya</p> <p>https://www.utusanborneo.com.my/2024/10/21/dbku-disaran-menubuhkan-majlis-orang-kurang-upaya</p> | <p>Utusan Borneo</p> <p>Utusan Borneo</p> | Neutral |
| 10. | <p>Polis mohon bantuan kesan lelaki hilang</p> <p>https://malaysiagazette.com/2024/10/21/polis-mohon-bantuan-kesan-lelaki-hilang/</p> <p>https://www.sinarharian.com.my/article/692332/berita/s-emas/polis-mohon-bantuan-kesan-khairul-amir-hilang-sejak-11-oktober</p> <p>https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2024/10/1147021/bantu-kesan-khairul-amir-hilang-sejak-11-okt</p> | <p>Malaysia Gazette</p> <p>Sinar Harian</p> <p>Harian Metro</p> | Neutral |
| 11. | <p>'Susu anak dah habis, tiada siapa mahu tolong'</p> <p>https://www.kosmo.com.my/2024/10/21/susu-anak-dah-habis-tiada-siapa-mahu-tolong/</p> | <p>Kosmo</p> | Neutral |
| 12. | <p>Pembantu peniaga pasar malam dituduh 'sentuh' remaja</p> <p>https://www.kosmo.com.my/2024/10/21/pembantu-peniaga-pasar-malam-dituduh-sentuh-remaja/</p> | <p>Kosmo</p> <p>Berita Harian</p> | Neutral |

| | | | |
|-----|---|------------------|---------|
| | https://www.bharian.com.my/berita/kes/2024/10/1313935/pembantu-pasar-malam-didakwa-lakukan-amang-seksual-remaja-15-tahun | | |
| 13. | Wanita nekad terjun tingkat 4 elak diberkas polis https://malaysiagazette.com/2024/10/21/wanita-nekad-terjun-tingkat-4-elak-diberkas-polis/ | Malaysia Gazette | Neutral |
| 14. | Lelaki rugi lebih RM80,000 angkara saham tak wujud https://www.freemalaysiatoday.com/category/bahasa/tempatan/2024/10/21/lelaki-rugi-lebih-rm80000-angkara-saham-tak-wujud/ | FMT | Neutral |
| 15. | Wanita miliki pisau tanpa kebenaran dipenjara 6 tahun https://www.freemalaysiatoday.com/category/bahasa/tempatan/2024/10/21/wanita-miliki-pisau-tanpa-kebenaran-dipenjara-6-tahun/ | FMT | Neutral |
| 16. | Pelbagai Kementerian Bersatu Tangani Isu Sosial https://www.utusan.com.my/nasional/2024/10/pelbagai-kementerian-bersatu-tangani-isu-sosial/ | Utusan | Positif |

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWK

DSN 2030 BUKTI KOMITMEN KERAJAAN BINA NEGARA SEJAHTERA, INKLUSIF: AHMAD ZAHID



Ahmad Zahid bersama Nancy (enam dari kiri) dan Saifuddin Nasution (lima dari kiri) melancarkan Dasar Sosial Negara 2030 di WTCKL hari ini. Turut hadir, Fahmi (tiga dari kiri), Aaron, Zambry, Hannah dan Fadlina. - *Gambar BERNAMA*

KUALA LUMPUR: Dasar Sosial Negara 2030 (DSN 2030) yang diluncurkan hari ini adalah bukti komitmen kerajaan untuk membina sebuah negara yang lebih sejahtera, inklusif dan progresif, kata Timbalan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Ahmad Zahid Hamidi.

Beliau berkata DSN 2030 yang merupakan hasil kerjasama erat pelbagai pihak termasuk kementerian, agensi kerajaan, sektor swasta dan masyarakat, akan menetapkan hala tuju sosial negara serta mengenal pasti dan menyelesaikan isu sosial secara holistik.

"Insyallah, jika pelaksanaan dasar disulami langkah penguatkuasaan dapat dilakukan secara sempurna, saya percaya ia membawa Malaysia mencapai kedudukan 25 teratas dalam Indeks Pembangunan Manusia dan Indeks Persepsi Rasuah tidak lama lagi," katanya pada majlis peluncuran DSN 2030 di Pusat Dagangan Dunia Kuala Lumpur (WTCKL), hari ini.

Hadir sama, Menteri Komunikasi Fahmi Fadzil, Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat Datuk Seri Nancy Shukri dan Menteri Dalam Negeri Datuk Seri Saifuddin Nasution Ismail.

Menteri Pendidikan Tinggi Datuk Seri Dr Zambry Abd Kadir, Menteri Belia dan Sukan Hannah Yeoh, Menteri Perpaduan Negara, Datuk Aaron Ago Dagang dan Menteri Pendidikan Fadhlina Sidek turut hadir.

Ahmad Zahid yang juga Pengerusi Majlis Sosial Negara (MSN) berkata tahap kemajuan Malaysia tidak seharusnya diukur hanya melalui pembangunan ekonomi atau infrastruktur semata-mata, tetapi perlu merangkumi nilai kesejahteraan sosial serta mengambil kira pencapaian sosial dan insaniah.

Katanya kerajaan menyedari bahawa pembangunan mampan memerlukan keseimbangan, dan dalam usaha mengejar pertumbuhan ekonomi, negara perlu melabur dalam kesejahteraan sosial melalui dasar menggalakkan peluang ekonomi serta memastikan pengagihan sumber yang adil, akses pendidikan, penjagaan kesihatan dan perkhidmatan sosial.

Beliau berkata DSN 2030 sangat relevan dalam usaha mengimbangi pembangunan ekonomi dan sosial, sekali gus berfungsi sebagai payung besar yang menyokong usaha dan strategi kerajaan untuk memperkukuh pembangunan sosial, seterusnya menjadikan Malaysia lebih makmur dan sejahtera

Bermula dengan DSN pertama pada 2003 dan diperkukuh dengan penubuhan MSN, Ahmad Zahid berkata kerajaan sentiasa mengutamakan langkah strategik dan bersepadu bagi menangani masalah sosial.

Ketika mempengerusikan MSN pada 2017, beliau menggariskan empat elemen penting digariskan iaitu memperkukuh pendidikan agama, memperkasa institusi kekeluargaan untuk membimbing anak-anak, memupuk nilai moral dalam komuniti serta menyokong platform penyelidikan bagi memahami dan mencari penyelesaian terhadap isu sosial.

“Pada hari ini, dalam mendepani arus teknologi digital dan komunikasi termasuklah perkembangan kecerdasan buatan (AI), satu pendekatan baharu perlu diperkuatkan dalam menangani isu sosial dan mengangkat agenda ini demi mencapai aspirasi kemakmuran negara,” katanya.

Menerusi MSN, beliau berkata antara cadangan bagi menangani masalah sosial secara lebih menyeluruh dan berkesan dalam konteks dunia digital yang kompleks adalah mewujudkan Platform Perkhidmatan Sosial Digital bagi menggabungkan semua perkhidmatan kerajaan, badan bukan kerajaan dan sektor swasta.

Katanya langkah itu boleh bertindak sebagai pusat sehati untuk sokongan kesihatan mental, kebajikan, peluang pekerjaan dan pendidikan dengan menggunakan bantuan berasaskan AI untuk padanan perkhidmatan.

Di samping itu, beliau mencadangkan penubuhan pusat latihan literasi digital dan inkubator keusahawanan sosial bagi bersama-sama menangani isu sosial

seperti jurang pendidikan, kemampunan alam sekitar, dan penjagaan kesihatan di kawasan luar bandar.

Cadangan lain termasuk mengintegrasikan kesihatan mental di tempat kerja melalui pelaksanaan Pensijilan Kesihatan Mental, yang merangkumi penyediaan dasar sokongan seperti waktu kerja fleksibel dan perkhidmatan kaunseling. Selain itu, penggunaan analisis data untuk mengesan dan meramalkan ancaman buli siber dan penipuan dalam talian secara proaktif, serta intervensi melalui media juga disarankan. - BERNAMA

KPWKM ANJUR PROGRAM TINGKAT KESEDARAN MENGENAI GANGGUAN SEKSUAL



KUALA LUMPUR, 21 Okt – Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWKM) telah menganjurkan Program Toleransi Keganasan dan Advokasi Antigangguan Seksual untuk meningkatkan kesedaran mengenai gangguan seksual pada Ahad.

Timbalan Menteri, Datuk Seri Dr Noraini Ahmad berkata, program tersebut merupakan siri kedua di Zon Selatan tanah air dan disertai seramai 700 orang peserta.

“Saya telah hadir ke Dewan Konvensyen, Hab Pendidikan Tinggi Pagoh untuk menyempurnakan Program Toleransi Sifar Keganasan dan Advokasi Antigangguan Seksual Zon Selatan.

“Ini merupakan siri kedua yang dilaksanakan di Zon Selatan dalam usaha untuk meningkatkan kesedaran masyarakat mengenai gangguan seksual terutamanya kepada golongan mahasiswa di seluruh negara.

“Seramai 700 orang peserta yang merupakan pelajar dari universiti berdekatan hadir menyertai program ini,” katanya menerusi hantaran di laman Facebooknya.

Beliau yang juga Ketua Wanita UMNO berkata, program ini turut menyampaikan maklumat bantuan dan perkhidmatan psikososial untuk menangani masalah gangguan seksual.

“Program ini diadakan bertujuan untuk memberi pendedahan dan pengetahuan kepada masyarakat mengenai gangguan seksual, menyebarkan pemakaian garis panduan dan notis antigangguan seksual kepada semua lapisan masyarakat. Selain itu, menyampaikan maklumat bantuan dan perkhidmatan psikososial yang disediakan oleh KPWKM terutama untuk menangani gangguan seksual.

“Antara pengisian program ini ialah ceramah Advokasi Antigangguan Seksual oleh Jabatan Pembangunan Wanita (JPW), Kenali Tribunal Antigangguan Seksual oleh Tribunal bagi Antigangguan Seksual (TAGS) dan ceramah Jauhi Buli Siber oleh Cybersecurity Malaysia,” katanya lagi.

Mengula lanjut, beliau juga berpeluang untuk melawat reruai pameran dan berada di dalam Sesi Coffee Talk bersama peserta.

“Saya turut berkesempatan berada di dalam Sesi Coffee Talk bersama peserta yang hadir, melawat reruai pameran dan acara Mural Signing yang merupakan simbolik kepada komitmen dan sokongan semua pihak dalam menangani gangguan seksual.

“Turut sama hadir ialah Timbalan Ketua Setiausaha (Operasi) KPWKM, Farah Adura Hamidi, Ketua Pengarah Jabatan Pembangunan Wanita (JPW), Hanani Sapit dan pegawai-pegawai kanan jabatan dan agensi Kementerian,” katanya lagi.

NANCY SERU WANITA JALANI UJIAN MAMOGRAM



KUALA LUMPUR : Golongan wanita diseru supaya lebih peka dan sedar kepentingan penjagaan kesihatan terutamanya berkaitan payudara dengan melakukan pemeriksaan berkala bagi pengesanan awal kanser melalui saringan ujian mamogram.

Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat Datuk Seri Nancy Shukri berkata langkah itu bagi membolehkan penyakit berkenaan dirawat awal dengan lebih berkesan sekali gus meningkatkan kadar kelangsungan hidup mereka.

“Statistik Laporan Daftar Kanser Kebangsaan Malaysia bagi 2017-2021 turut merekodkan 50.5 peratus wanita yang menghidapi kanser payudara dikesan pada tahap tiga dan empat meningkat berbanding pada 2012-2016 sebanyak 48 peratus,” katanya menerusi kenyataan yang dikeluarkan Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWKM).

Nancy berkata demikian ketika menyempurnakan Majlis Kesedaran Kanser Payudara: Body Perfect's the Power of Pink 2024 anjuran Body Perfect yang diadakan setiap tahun sebagai tanda sokongan kepada Persatuan Kebajikan Kanser Payudara Malaysia (BCWA), lapor Bernama.

Menyedari tahap kesedaran wanita yang masih rendah berkaitan kesihatan payudara, kenyataan itu memaklumkan KPWKM melalui Lembaga Penduduk dan Pembangunan Keluarga Negara (LPPKN) terus mempergiat kempen kesedaran dan pengesanan awal kanser payudara.

Kesedaran rendah itu dibuktikan melalui dapatan Tinjauan Kesihatan Kebangsaan dan Morbiditi 2023 yang menunjukkan 71 peratus atau tiga daripada empat wanita berumur 40 tahun ke atas tidak pernah melakukan saringan ujian mamogram dan 46 peratus wanita berumur 18 tahun ke atas tidak melakukan pemeriksaan sendiri payudara.

Bagi ujian pap smear pula, sebanyak 65 peratus wanita berumur 20 tahun dan ke atas tidak melakukan ujian terbabit, menurut kenyataan itu. Selain itu, kerajaan telah menyediakan subsidi ujian mamogram secara percuma kepada wanita yang layak dan pendaftaran bagi mendapatkan inisiatif ini boleh diakses melalui 50 Klinik Nur Sejahtera LPPKN di seluruh negara.

Menurut kenyataan itu, KPWKM melalui LPPKN turut melaksanakan Kempen Kesedaran Kanser Reproktif Wanita (WCaRe) bagi mempromosikan saringan awal kanser melalui Program Subsidi Ujian Mamogram serta Program Saringan Kanser Serviks (HPV DNA).

TAMBAH BAIK URUS BANDUAN GOLONGAN RENTAN ATASI PENJARA SESAK



MSN bersetuju untuk menambah baik pengurusan banduan kategori rentan di Jabatan Penjara Malaysia susulan kesesakan dalam penjara ketika ini. Gambar hiasan.

SHAH ALAM - Majlis Sosial Negara (MSN) bersetuju untuk menambah baik pengurusan banduan kategori rentan melibatkan warga emas, orang kurang upaya (OKU), pesakit mental dan kronik di Jabatan Penjara Malaysia susulan kesesakan dalam penjara ketika ini.

Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWKM) dalam satu kenyataan berkata, ia turut dipersetujui bagi penyelesaian pra perbincangan, hukuman dan pemulihan alternatif diperkasa, serta Kanun Acara Jenayah (Akta 593) dikuat kuasa.

“Bukan itu sahaja, ia juga meliputi perkhidmatan dan pemeriksaan kesihatan termasuk kesihatan mental diperluaskan.

“Penyelesaian dalam fasiliti penjara dari segi pengasingan dan penambahbaikan infrastruktur serta penyelesaian dalam komuniti dengan mewujudkan rumah perantaraan atau rumah perlindungan juga dibincangkan,” katanya pada Isnin.

Perkara tersebut dibincangkan dalam Mesyuarat MSN Bilangan 3 Tahun 2024 yang dipengerusikan Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Ahmad Zahid Hamidi baru-baru ini.

Ahmad Zahid sebelum ini berkata, [penjara di Malaysia dilaporkan semakin sesak](#) apabila seramai 87,000 banduan direkodkan berada di dalam tahanan bagi pelbagai kesalahan dan jenayah.

Menurutnya, berdasarkan angka terkini, jelas menunjukkan kapasiti penjara sudah melebihi 13,000 banduan kerana kadar muatan maksimum penjara adalah seramai 74,000 tahanan.

Dalam pada itu, kenyataan tersebut berkata, mesyuarat itu membincangkan satu lagi kertas pertimbangan melibatkan cara menangani jenayah seksual terhadap kanak-kanak dalam talian.

BAYI JANTUNG BERLUBANG PERLUKAN DANA RM90,000

BUKIT MERTA JAM - Bayi perempuan berusia dua bulan yang menghidap jantung berlubang, Nor Sara Washfa Ahmad Zaidi memerlukan dana sebanyak RM90,000 bagi menjalani pembedahan jantung dalam usaha menyelamatkan nyawanya.

Pengerusi badan amal, One Hope Charity & Welfare, Datuk Chua Sui Hau berkata, bayi itu kini berada dalam keadaan kritikal dan dirawat di unit rawatan rapi neonatal (NICU) dengan bergantung alat bantuan oksigen.

WANITA TAK MENGAKU SALAH BUNUH RAKAN KONGSI

Kuala Terengganu: Peniaga wanita mengaku tidak bersalah di Mahkamah Tinggi di sini, hari ini atas pertuduhan membunuh rakan kongsinya yang juga wanita warga emas pada November tahun lalu.

Tertuduh, Nooraini Remali, 36, membuat pengakuan itu sebelum mohon dibicarakan selepas pertuduhan dibacakan di hadapan Hakim Datuk Hassan Abdul Ghani.

Mengikut pertuduhan, tertuduh didakwa melakukan bunuh dengan menyebabkan kematian Norzihan Abd Karim, 65.

Tertuduh didakwa melakukan kesalahan itu di hadapan pos pengawal Telekom Malaysia, Batu 23 Kuala Berang, Hulu Terengganu antara 3.20 pagi hingga 4 pagi pada 1 November 2023.

Bagi kesalahan itu, tertuduh yang didakwa mengikut Seksyen 302 Kanun Keseksaan berdepan hukuman mati atau penjara selama tempoh tidak kurang 30 tahun tetapi tidak melebihi 40 tahun dan jika tidak dihukum mati, hendaklah juga dihukum sebat tidak kurang daripada 12 sebatan, jika sabit kesalahan.

2 WARGA EMAS MAUT TERSEPIT BAWAH PIKAP

KUCHING: Dua warga emas maut tersepit di bawah kenderaan yang mereka naiki selepas terbalik di Jalan Kampung Pelaie, Simunjan, petang tadi.

Kejadian kira-kira jam 2.30 petang, apabila kenderaan pacuan empat roda yang membawa 10 penumpang itu terbabas sebelum terbalik di tebing jalan.

Mangsa yang terbunuh dikenal pasti sebagai Blayau Datu, seorang wanita berusia 83 tahun dan Awang Pupon, 63.

Jurucakap Pusat Gerakan Operasi (PGO) Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia (JBPM) Sarawak berkata pihaknya menerima panggilan berhubung kejadian itu jam 2.42 petang.